

RISDA lancar PersadaCare

Dana bertujuan pastikan kebajikan pesara terpelihara

Oleh Irwan Shafrizan Ismail
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) melancarkan penjenamaan semula Dana Prihatin Persatuan Pesara RISDA (PERSADA) kepada PersadaCare bagi memastikan kebajikan pesara terus terpelihara.

Pengerusi RISDA, Datuk Seri Salim Mohd Sharif, berkata sejumlah RM50,000 disumbangkan melalui Yayasan RISDA kepada dana berkenaan bagi memberi manfaat kepada 1,140 ahli.

“Dana ini bertujuan memberi sumbangan *one-off* kepada pesara ditimpa musibah seperti ke-

matian, kemalangan, kemasukan wad, bencana alam atau lain-lain penyakit kronik.

“Sehingga kini, seramai 128 orang sudah menerima manfaat dengan jumlah bayaran sebanyak RM37,000, membabitkan sumbangan antara RM100 hingga RM500,” katanya berucap merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan PERSADA Kelapan, di sini.

Salim berkata, sumber kewangan PERSADA sangat terhad dan ia tidak mempunyai aktiviti ekonomi teras yang boleh menjana pendapatan.

“Jadi, penjenamaan semula dana prihatin ini juga bertujuan menarik lebih ramai pesara RISDA untuk menjadi ahli PERSADA, sekaligus meningkatkan sumber kewangan demi kebajikan dan penyeretaan pelbagai aktiviti tahunan.

“Akaun khas PersadaCare yang diwujudkan ini akan memperkuatkan kedudukan kewangan kebajikan pesara, yang mana ia membolehkan penerimaan sumbangan daripada agensi, syarikat, pertubuhan bukan kerajaan, pusat zakat



Salim (empat dari kanan) menyampaikan sumbangan Dana Prihatin Persatuan Pesara RISDA (PERSADA) pada majlis perasmian Mesyuarat Agung Tahunan PERSADA Kelapan.

(Foto ihsan RISDA)

mahupun orang perseorangan melaksanakan amal jariah,” katanya.

Selain itu, beliau berkata, PERSADA turut mewujudkan skim khairat kematian ahli dengan bayaran caruman premium sebanyak RM100 setahun.

Menerusi skim ini, katanya, PERSADA menyediakan bayaran manfaat semasa kematian sebanyak RM1,500 seorang. Setakat Mei lalu, katanya, seramai 225 orang menjadi ahli skim ini dan PERSADA membayar sebanyak RM33,000 kepada 22 waris ahli yang sudah meninggal dunia.

“Buat masa ini, RISDA terus membantu memudahkan pesara melalui pengurusan pencen, tuntutan perubatan, perjalanan ke hospital kerajaan, bantuan pengurusan jenazah dan lain-lain bantuan dari semasa ke semasa,” katanya.



Salim melancarkan penjenamaan semula Dana Prihatin Persada kepada PersadaCare.